

Tawar khidmat latihan kepada Kosovo

BH 30 JAN 2000

PARIS: Malaysia bersedia menawarkan khidmat latihan bagi pengurusan dan kawalan keselamatan kepada Kosovo bagi membantu mempercepatkan proses kemerdekaan di wilayah bekas republik Yugoslavia itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, latihan itu boleh diberikan kepada tokoh yang akan terbabit dalam mengendalikan pemerintahan di wilayah berkenaan selepas kemerdekaannya.

Beliau berkata, tawaran itu dibuat berikutan Malaysia berpendirian bahawa Kosovo perlu diberi hak untuk menentukan masa depannya sendiri menerusi pilihan raya umum yang perlu diadakan segera.

"Malaysia berpendapat dunia perlu mempercepatkan proses memberi kemerdekaan kepada Kosovo," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac, di sini, semalam.

Dalam pertemuan lebih dua jam itu, kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai isu termasuk globalisasi, krisis di Kosovo, Chechnya dan hak pendaratan Penerbangan Malaysia (MAS) di Perancis.

Menjawab soalan pemberita mengenai masa yang sesuai untuk kemerdekaan Kosovo, Dr Mahathir berkata, ia adalah sesuatu yang relatif dan banyak negara lain yang berpendirian lebih banyak masa diperlukan.

Sementara itu, mengenai sengketa di Chechnya, Perdana Menteri berkata, beliau dan Chirac sependapat bahawa masalah itu akan berlarutan sehingga selepas pilihan raya Presiden di Russia.

Mengenai hak pendaratan MAS di Perancis, Dr Mahathir berkata, Chirac bersetuju cadangan Malaysia meminta tambahan satu lagi kelulusan mendarat daripada dua kali seminggu yang ada ketika ini.

"Bagaimanapun, kita diberitahu bahawa perkara itu terserah kepada pihak Air France yang ketika ini lebih memilih Singapura dan Bangkok sebagai pangkalan operasinya," katanya.